

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 4 (15)

Tarikh : **31** Mac 2023

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING MQA. BIL. 2/2023

FI PERMOHONAN SEBAGAI PUSAT PENILAIAN PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN KEMASUKAN (APEL.A) MENGIKUT KETETAPAN PAKEJ BAHARU

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan dan Pekeliling MQA Bil. 1/2023 – Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu Bagi Tujuan Kemasukan (APEL.A) dan Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu untuk *Micro-credentials* (APEL.M) [Guidelines to Good Practices (GGP): APEL.A and APEL.M] bertarikh 17 Januari 2023.

2. Untuk makluman, MQA telah menetapkan **pakej baharu** tanpa perubahan kepada kadar fi permohonan sebagai Pusat Penilaian APEL.A. Penetapan pakej baharu ini akan memberi ruang dan pilihan kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang ingin memohon sebagai Pusat Penilaian APEL.A untuk menjalankan penilaian APEL.A terhadap calon pelajar dengan lebih fleksibel berdasarkan tahap penilaian APEL.A yang dipilih.

3. Bagi memastikan inisiatif APEL.A terus berkembang di samping menjamin kualiti pelaksanaannya, MQA memutuskan agar kriteria permohonan sebagai Pusat Penilaian APEL.A bagi tujuan pelaksanaan pakej baharu ini adalah selaras dengan kriteria permohonan yang telah ditetapkan dalam Surat Makluman MQA Bil. 2/2022 bertarikh 17 Mac 2022.

4. Dengan pelaksanaan GGP: APEL.A and APEL.M, MQA telah menetapkan bahawa Pusat Penilaian APEL.A sedia ada boleh memohon penambahan penilaian APEL.A terhadap calon pelajar bagi tujuan kemasukan ke program peringkat Diploma Lanjutan, Tahap 5, Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) dan Sarjana secara Penyelidikan (Tahap 7, MQF) tertakluk kepada pembayaran **caj tambahan**. Selain itu, Pusat Penilaian APEL.A sedia ada juga boleh memohon ke MQA untuk menambah penilaian APEL.A terhadap calon pelajar bagi tujuan kemasukan ke program peringkat Kedoktoran secara Kerja Kursus, Campuran dan Penyelidikan (Tahap 8, MQF). Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini adalah tertakluk kepada kelulusan MQA terhadap permohonan yang dikemukakan.

5. Sehubungan itu, pelaksanaan fi permohonan sebagai Pusat Penilaian APEL.A mengikut pakej baharu dan sedia ada adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH KUATKUASA	PERKARA
1.	31 Mac 2023 sehinga 30 Mac 2025	<u>Pusat Penilaian APEL.A sedia ada:</u> i. Caj tambahan sebanyak RM15,000.00 dikenakan bagi setiap tahap berikut: <ul style="list-style-type: none">• APEL T-5 (Diploma Lanjutan)• APEL T-7 (secara Penyelidikan) ii. Caj tambahan ini terpakai dalam tempoh transisi 2 tahun sahaja. iii. Setelah tamat tempoh transisi 2 tahun, PPA APEL.A sedia ada adalah tertakluk kepada fi permohonan sebagai PPA APEL.A mengikut ketetapan pakej baharu. (Lampiran)
2.	01 April 2023	Fi permohonan sebagai Pusat Penilaian APEL.A mengikut ketetapan pakej baharu. (Lampiran)

6. Maklumat mengenai penetapan fi permohonan sebagai Pusat Penilaian APEL.A mengikut pakej baharu ini boleh dirujuk dalam Portal APEL.A, <https://www2.mqa.gov.my/portalapela>. PPT dimohon untuk mengambil perhatian yang sewajarnya mengenai kadar fi tersebut serta mematuhi ketetapan pembayaran dalam usaha menyokong pelaksanaan agenda pembelajaran sepanjang hayat di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

"PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

PENETAPAN FI PERMOHONAN SEBAGAI PUSAT PENILAIAN APEL.A:

	PAKEJ ASAL	PAKEJ BAHARU	FI PERMOHONAN	TRANSISI (PPA SEDIA ADA)
1.	Pakej Permohonan Penilaian APEL T-3 (Sijil) dan APEL T-4 (Diploma)	Pakej Permohonan bagi mana-mana dua (2) tahap: <ul style="list-style-type: none"> • APEL T-3 (Sijil) • APEL T-4 (Diploma) • APEL T-5 (Diploma Lanjutan) • APEL T-6 (Ijazah Sarjana Muda) 	RM30,000.00 (1 atau 2 tahap) RM60,000.00 (3 atau 4 tahap)	Caj tambahan dikenakan sebanyak RM15,000.00 bagi setiap tahap: <ul style="list-style-type: none"> • APEL T-5 (Diploma Lanjutan) • APEL T-7 (Ijazah Sarjana - secara Penyelidikan) *Penguatkuasaan caj tambahan ini sah untuk tempoh 2 tahun mulai dari tarikh surat Pekeliling ini.
2.	Pakej Permohonan APEL T-6 (Ijazah Sarjana Muda) dan APEL T-7 (Ijazah Sarjana - secara Kerja Kursus dan Campuran)	Pakej Permohonan APEL T-7 (Ijazah Sarjana - secara Kerja Kursus dan Campuran) dan APEL T-7 (Ijazah Sarjana - secara Penyelidikan) Pakej Permohonan APEL T-8 (Kedoktoran - secara Kerja Kursus dan Campuran) dan APEL T-8 (Kedoktoran - secara Penyelidikan)	RM30,000.00 RM30,000.00	

NOTA: PPT yang berhasrat memohon satu tahap sahaja atau membuat permohonan semula satu tahap sahaja (selepas gagal penilaian) akan dikenakan fi penuh **RM30,000.00** (tidak termasuk PPA yang dalam tempoh transisi 2 tahun).

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8
Kompleks E, Purat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. YBrs. Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Penyelidikan
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 3, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
7. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

8. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

9. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaya
Aras 9, Bangunan Canseleri
50603 W.P KUALA LUMPUR

10. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA-UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 6, Bangunan Canseleri
43600 BANGI SELANGOR

11. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 W.P. KUALA LUMPUR

12. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar
International Medical University (IMU)
No. 126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR

13. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

14. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR

15. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR